

22 APR 1998

Surin-Tabung

MALAYSIA, THAILAND TUBUH TABUNG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Oleh: Jamaludin Mohamed

HAADYAI, 22 April (Bernama) -- Malaysia dan Thailand hari ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah tabung pembangunan sumber manusia bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang sains dan teknologi.

Menteri Luar Thailand, Dr Surin Pitsuwan berkata tabung itu, yang pertama seumpamanya diwujudkan dalam sejarah hubungan kedua-dua negara, juga bertujuan menggalakkan remaja kedua-dua negara melanjutkan pengajian dalam bidang sains dan teknologi di samping membantu penduduk di rantau ini merebut peluang-peluang yang wujud daripada pembangunan di selatan Thailand dan di utara Malaysia.

Bercakap pada sidang media bersama rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, beliau berkata Tabung Pembangunan Sumber Manusia Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand itu akan diwujudkan dengan peruntukan awal sebanyak 10 juta baht (kira-kira RM1 juta).

Sidang media itu diadakan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Chuan Leekpai mengetuai mesyuarat delegasi di hotel itu.

"Pembangunan sumber manusia tidak pernah dibincangkan di mana-mana forum dua hala Malaysia-Thailand dan hari ini kedua-dua pemimpin membincangkan perkara itu dan bersetuju untuk menubuhkan sebuah tabung mengenainya," kata Abdullah.

Surin berkata empat pihak yang terlibat dalam Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) - PTT (Lembaga Petroleum Thailand), PTTEP (anak syarikat PTT bagi cari gali dan pengeluaran minyak), Triton dan Petronas masing-masing akan menyumbang 2.5 juta baht (kira-kira RM250,000) kepada tabung itu.

PTT, PTTEP dan Triton akan memberi sumbangan wang tunai manakala Petronas dalam bentuk latihan, katanya dan menambah kerajaan kedua-dua negara juga akan menimbang memberi sumbangan kepada tabung itu yang akan diuruskan oleh JDA.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin juga setuju memperuntukkan tempat kepada pelajar universiti dengan menggunakan biasiswa daripada tabung itu.

Surin juga berkata isu-isu berkaitan penandaan sempadan Padang Besar telah diselesaikan dan satu memorandum mengenainya akan ditandatangani tidak lama lagi.

Surin berkata Chuan juga mencadangkan supaya waktu urusan di pintu masuk di Padang Besar, Betong dan Sadau dilanjutkan untuk menampung pergerakan penduduk dan barangan dari kedua-dua negara.

Abdullah berkata Dr Mahathir juga mencadangkan kad pintar digunakan bagi urusan keluar-masuk di sempadan.

Dr Mahathir memberitahu Chuan yang Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong telah bersetuju dengan konsep itu yang akan dilanjutkan ke seluruh rantau Asean.

Abdullah berkata Dr Mahathir dan Chuan juga setuju pada dasarnya untuk memansuhkan jumlah kuota bagi kemasukan bahan makanan mudah busuk dari Thailand ke Singapura melalui Malaysia.

Mengikut perjanjian sedia ada yang ditandatangani antara Malaysia dan Thailand pada 1979, jumlah barangan dihadkan kepada 30,000 tan setahun.

Sebagai balas, Chuan juga pada dasarnya setuju kemudahan yang sama diberikan kepada Malaysia untuk mengeksport barangan berkenaan ke Myanmar, Laos dan Kemboja menerusi Thailand.

Katanya, satu perjanjian baru akan dimeterai tidak lama lagi.

Mengenai mekanisme untuk menyelesaikan akaun bayaran antara kedua-dua negara berikutan penggunaan mata wang masing-masing dalam perdagangan, Abdullah berkata Dr Mahathir mahu Menteri Kewangan kedua-dua negara mewujudkan mekanisme itu secepat mungkin.

Abdullah berkata penggunaan Ringgit telah diterima di beberapa kawasan di sepanjang sempadan bersama.

-- BERNAMA

JM oba